

# 'Komplot seleweng wang tanpa pengetahuan Najib'

BH - 17/7/2020 m/s: 18

## Peguam beritahu Jho Low rangka pelan ketika mesyuarat di luar negara

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, satu mesyuarat diadakan di luar negara bagi merancang satu pelan yang dirangka ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk menyeleweng wang milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Wan Aizuddin Wan Mohammed yang menyoal balas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata rancangan itu menggunakan bantuan firma pelaburan Goldman Sachs tanpa pengetahuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Wan Aizuddin seterusnya mencadangkan kepada Shahrol Azral bahawa bagi tujuan itu, saksi dan pegawai Goldman Sachs ditugaskan memastikan syarikat dilan-

tik sebagai penasihat kewangan dalam pengambilalihan sebuah syarikat tenaga.

Katanya, mesyuarat itu dihadiri bekas pegawai Goldman Sachs, iaitu Tim Leissner dan Roger Ng; bekas Ketua Pegawai Kewangan 1MDB, Terrence Geh; pegawai 1MDB, Jasmine Loo dan Shahrol Azral.

Bagaimanapun, saksi pendakwaan kesemban itu menafikan pernah menghadiri mesyuarat dengan semua individu berkenaan, sebaliknya berkata dia hanya bertemu Jho Low di luar negara iaitu di Abu Dhabi ketika perlumbaan kereta Formula 1 dan di Beijing pada 2015.

Wan Aizuddin turut mencadangkan bahawa saksi secara aktif menyokong cadangan Goldman Sachs dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mengambil alih syarikat pengendali jana kuasa tenaga, Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd pada harga lebih tinggi.

Shahrol Azral juga menafikan cadangan peguam bahawa beliau bersetuju menyertai rancangan menyeleweng duit 1MDB itu kerana dijanjikan rasuah dan habuan daripada Jho Low.

Pada soalan lain oleh peguam, Shahrol Azral berkata, dia lebih percaya kepada Jho Low daripada pihak istana yang membangkitkan mengenai keraguan



**Shahrol Azral Ibrahim Halmi**

terhadap ahli perniagaan itu pada satu mesyuarat yang dihadapinya.

Wan Aizuddin menimbulkan persoalan itu ketika merujuk saksi kepada Minit Mesyuarat 1MDB ketika syarikat pelaburan negara itu masih dikenali sebagai Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Melalui Minit Mesyuarat itu, peguam berkata wakil istana melahirkan kebimbangan Jho Low akan menyalahgunakan nama istana.

**Wan Aizuddin: Pada peringkat ini, walaupun anda percaya Jho Low bertindak atas kepentingan syarikat, adakah ia tidak menimbulkan rasa sangsi?**

**Shahrol Azral:** Jho Low beritahu saya isu ini akan timbul,

jadi saya tidak tidak rasa sangsi pada waktu itu.

**Wan Aizuddin:** Secara jujur saya rasa ini memang sukar dipercayai. Kamu berurusan dengan istana, tapi masih lagi memilih Jho Low?

**Shahrol Azral:** Ya. Apabila diasak lagi oleh Wan Aizuddin mengenai persoalan sama, saksi itu mengulangi pendirian bahawa Jho Low bertindak dengan niat baik dan menafikan bersekongkol dengan lelaki itu untuk menipu wang 1MDB.

Dalam prosiding semalam, Shahrol Azral mengesahkan Jho Low mencadangkan supaya Goldman Sachs bertindak sebagai penasihat kewangan bagi tawaran pengambil alihan Tanjong Energy oleh 1MDB.

Saksi itu mengakui Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan bahawa harga pengambilalihan Tanjong Energy dirangka RM2.1 bilion yang bermakna 1MDB hanya perlu membayar RM8.5 bilion.

Katanya, Lembaga Pengarah 1MDB dimaklumkan bahawa harga perolehan adalah sehingga RM10.6 bilion atau berkemungkinan lagi rendah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.